



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 16 Mei 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	Galak Penggunaan Bahasa Isyarat Di Agensi Kerajaan - Nancy Shukri https://www.astroawani.com/berita-malaysia/galak-penggunaan-bahasa-isyarat-di-agensi-kerajaan-nancy-shukri-419628	Astro Awani
2	Employment Act Amendments To Narrow Gap Between Women, Men, Says Nancy https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/15/employment-act-amendments-to-narrow-gap-between-women-men-says-nancy https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/909511/nancy-socso-amend-act-allocate-childcare-grants?utm_source=nst&utm_medium=mostpoplatest https://www.malaysiakini.com/news/665191	The Star NST Malaysia Kini

	<p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2189071</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967036/perkeso-akan-pinda-akta-untuk-peruntukan-geran-penjagaan-kanak-kanak-nancy</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/highlight/2023/05/15/govt-seeks-to-increase-female-labour-participation-to-59-by-2025/</p> <p>https://tvstv.my/2023/05/15/kpwkm-deka-bejalaika-dua-atur-dikena-munas-penyeranta/</p> <p>https://www.buletintv3.my/detik-niaga/perkeso-pinda-akta-peruntukan-geran-penjagaan-kanak-kanak/</p> <p>https://themerdekaitimes.com/news/2023/05/perkeso-akan-pinda-akta-untuk-peruntukan-geran-penjagaan-kanak-kanak-nancy/</p> <p>https://newswav.com/article/socso-to-amend-act-to-allocate-childcare-grants-nancy-A2305_AZUKB9</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2189083</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/nancy-perkeso-akan-pinda-akta-untuk-peruntukan-geran-penjagaan-kanak-kanak-AP10975757</p>	<p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>TBSTV</p> <p>Buletin TV3</p> <p>The Merdeka Times</p> <p>Newswav</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun Daily</p>
3	<p>Ibu Tunggal Berkorban Demi Bapa, Abang Dan Adik OKU</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/ibu-tunggal-berkorban-demi-bapa-abang-dan-adik-oku/</p>	<p>Kosmo</p>
4	<p>Ibu Amang Seksual Anak, Arah Rakam Dihadap Ke Mahkamah</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/05/15/ibu-amang-seksual-anak-arrah-rakam-dihadap-ke-mahkamah/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1101380/ibu-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-2-anak-lelaki</p>	<p>Warta Oriental</p> <p>Berita Harian</p>

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-didakwa-amang-seksual-dua-anak-lelaki-arrah-rakaman-pornografi-419603</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967025/ibu-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-2-anak</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/15/suri-rumah-berdepan-penjara-105-tahun-12-sebatan-lakukan-amang-seksual-terhadap-dua-anak-lelaki/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/258640/video/berita-semasa-video/ibu-tidak-mengaku-bersalah-amang-seksual-dua-anak-kandungnya</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/ibu-didakwa-amang-seksual-dua-anak-lelaki-arrah-rakam-pornografi/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/665190</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/15/wanita-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-lelaki-dihadapkan-ke-mahkamah/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Maklaysia Kini</p> <p>Malaysia Gazette</p>
5	<p>Ibu Bapa Dikecam Tinggal Anak Kembar Dalam Kereta, Hadir Rumah Terbuka</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/15/ibu-bapa-dikecam-tinggal-anak-kembar-dalam-kereta-hadir-rumah-terbuka/</p>	<p>Kosmo</p>
6	<p>Penarik Kereta Berdepan Penjara 20 Tahun Raba Payudara, Sentuh Kemaluan Kanak-Kanak Perempuan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/15/penarik-kereta-berdepan-penjara-20-tahun-raba-payudara-sentuh-kemaluan-kanak-kanak-perempuan/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>
7	<p>[Video] Bayi Nyenyak Tidur Diperlaku Kejam, Pengasuh Taska Di Skudai Disyaki Dera Anak Asuhan Sampai Menangis Kesakitan</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/05/15/video-bayi-nyenyak-tidur-diperlaku-kejam-pengasuh-taska-di-skudai-disyaki-dera-anak-asuhan-sampai-menangis-kesakitan</p>	<p>Majoriti</p>

	https://ohbulan.com/viral-pengasuh-disyaki-menekap-hempas-bayi-sehingga-mengerang-kesakitan	Oh Bulan
8	Lelaki Berkelakuan Rasis, Hina Wanita Diberkas https://www.sinarharian.com.my/article/258731/berita/semasa/lelaki-berkelakuan-rasis-hina-wanita-diberkas	Sinar Harian
9	Penyertaan Wanita Dalam Sektor Pekerjaan Disasar Meningkat Kepada 59% Menjelang 2025 https://www.buletintv3.my/detik-niaga/penyertaan-wanita-dalam-sektor-pekerjaan-disasar-meningkat-kepada-59-menjelang-2025/	Buletin TV3
10	Wanita Ditipu Lebih RM11,000 Beli Konsol Permainan Elektronik Di Tiktok https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-ditipu-lebih-rm11000-beli-konsol-permainan-elektronik-di-tiktok-EP10978286	The Sun Daily
11	Hutang Punca Warga Emas Ditikam https://malaysiagazette.com/2023/05/15/hutang-punca-warga-emas-ditikam/ https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967103/selisih-faham-isu-hutang-punca-warga-emas-dibunuh https://www.sinarharian.com.my/article/258638/berita/semasa/mati-ditikam-dengan-garpu-akibat-selisih-faham-isu-hutang https://www.kosmo.com.my/2023/05/15/ditikam-guna-garpu-sampai-mati-sebab-hutang-rm3000/	Malaysia Gazette Harian Metro Sinar Harian Kosmo
12	Bergelar Oku Bukan Penghalang Guru Terima Anugerah https://www.getaran.my/artikel/kisah-kita/46730/bergelar-oku-bukan-penghalang-guru-terima-anugerah https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2189346 https://suaramerdeka.com.my/kecacatan-bukan-halangan-bagi-guru-memenangi-anugerah/	Getaran Bernama Suara Merdeka

	https://newswav.com/article/bergelar-oku-bukan-penghalang-guru-terima-anugerah-A2305_CTfvB9	Newswav
13	[VIDEO] 15 Tahun Hidup Dalam Timbunan Sampah https://www.buletintv3.my/nasional/eksklusif-15-tahun-hidup-dalam-timbunan-sampah/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini	Buletin TV3
14	Siti Syazwani Memerlukan RM60,000 Untuk Pembedahan Jantung https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967344/siti-syazwani-memerlukan-rm60000-untuk-pembedahan-jantung	Harian Metro

GALAK PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT DI AGENSI KERAJAAN - NANCY SHUKRI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/galak-penggunaan-bahasa-isyarat-di-agensi-kerajaan-nancy-shukri-419628>

Sumber : Astro Awani

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah memulakan inisiatif menggunakan khidmat penterjemah bahasa isyarat dalam majlis anjuran mereka.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia bukan sahaja satu usaha bagi menyokong golongan kelainan upaya (OKU) untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti masyarakat, tetapi juga dapat membantu golongan terlatih menjana sumber ekonomi.

"Kita menggunakan peluang ini untuk menguar-uarkan semua acara dalam negara, kalau boleh, gunakan golongan yang terlatih ini sebagai jurubahasa dalam penggunaan bahasa isyarat. Ini juga akan jadi sumber ekonomi bagi mereka yang terlatih dan berkebolehan dalam bahasa isyarat.

"Saya memang nak promosikan ini supaya boleh buat dua perkara dalam satu, iaitu kita bantu OKU untuk memahami apa yang disampaikan dan kedua, kita bantu golongan yang terlatih dalam bahasa isyarat supaya mereka boleh cari rezeki juga," ujarnya.

Beliau juga menggalakkan kementerian dan agensi lain khususnya kerajaan untuk memulakan inisiatif yang sama, selain turut mengalu-alukan penyertaan dan kerjasama badan bukan kerajaan serta swasta.

"Kita tidaklah memaksa tetapi kita galakkan mereka lakukan inisiatif sama.

"Perkara seperti ini kadang-kadang memerlukan kita memberi kesedaran dengan memberi peringatan. Kita akan tulis surat pada mereka terutama sekali kerajaan dan pihak kementerian," katanya ketika ditemui pada Majlis Jalinan Kasih KPWKM Bersama Kumpulan Sasar di Putrajaya, pada Isnin.

Majlis berkenaan yang diadakan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan sambutan Hari Keluarga Antarabangsa, meraikan kanak-kanak, warga emas dan artis veteran.

Dalam pada itu, Nancy juga memaklumkan sambutan Hari Keluarga peringkat nasional bakal diadakan pada November depan.

"Banyak program yang kita akan adakan untuk menunjukkan betapa pentingnya nilai kekeluargaan.

"Buat masa ini kita bukan saja merancang tetapi sudah menyusun atur perancangan, tunggulah November nanti," katanya lagi.

EMPLOYMENT ACT AMENDMENTS TO NARROW GAP BETWEEN WOMEN, MEN, SAYS NANCY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/15/employment-act-amendments-to-narrow-gap-between-women-men-says-nancy>

Sumber : The Star



KUALA LUMPUR: The amendments to the Employment Act 2022 are aimed at narrowing the gap between women and men in the workforce, says Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said that these amendments include an increase of paid maternity leave from 60 to 98 days and a ban on terminating an employee who is pregnant or suffering from illnesses arising from pregnancy.

There are also requirements for employers to always exhibit a notice to raise awareness on sexual harassment at workplace because it is important to make women and men feel safe,” said Nancy.

She added that there are amendments by the Social Security Organisation (Socso) in allowing the disbursement of childcare grants equivalent to 80% of the insured salary value of workers to encourage women to get back into the workforce after maternity leave.

Nancy added that approximately 130,000 women who returned to work after maternity leave will benefit from the grant, which involves RM290mil of allocations a year.

She added that a monthly child care fee subsidy of RM180 per child will be provided to civil servants, while the monthly income limit of households eligible for the nursery fee subsidy was raised from RM5,000 to RM7,000.

“The ongoing legislative reforms, policies and plans, reflects the government’s commitment towards supporting women by building a society of equal opportunities,” added Nancy.

She said that Putrajaya is aiming to increase Malaysia’s female labour participation to 59% by 2025, adding that Statistics Department data shows that female labour force participation only stands at 55.5% as of 2021, compared to 80.9% of men in the same year.

"This is why the policy of ensuring women make up 30% of decision-making positions is consistently incorporated in our Malaysia plans," said Nancy.

“Why is this important? This sends a signal that women can make it to the top,” she added in her speech at the World Women Economic & Business Summit 2023 by KSI Strategic Institute for Asia Pacific on Monday (May 15).

Nancy also said that top management women representation in the public sector had reached 38.8% at present, which earned Malaysia an international accolade for our best practice at the recent 2023 Global Summit of Women in Dubai earlier this month.

"While efforts are being undertaken by the government to protect women and ensure their fundamental rights, there are still systematic cultural barriers that need to be overcome," added Nancy.

The goal of 59% women labour participation was previously set to be achieved by 2020 under the 11th Malaysian plan (2016-2020) of the previous administration under the former Barisan Nasional government.

IBU TUNGGAL BERKORBAN DEMI BAPA, ABANG DAN ADIK OKU

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/ibu-tunggal-berkorban-demi-bapa-abang-dan-adik-oku/>

Sumber : Kosmo



KUALA TERENGGANU – Seorang ibu tunggal di Kampung Losong Haji Shafie di sini, terpaksa memikul tanggungjawab besar untuk menjaga bapa dan abangnya yang uzur serta adik perempuan yang merupakan orang kelainan upaya (OKU).

Aryani Amzah, 45, berkata, bapanya, Amzah Salleh, 70, mengalami masalah untuk bergerak selepas terlibat dalam kemalangan di Marang pada tahun 1984.

“Kecederaan pada paha membuatkan bapa tidak mampu lagi bekerja sebagai tukang rumah dan keuzuran fizikalnya semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.

“Adik bongsu, Suhaila, 27, mengalami kecacatan fizikal dan dia yang hanya boleh mengengsotkan badannya untuk bergerak,” kataya ketika ditemui di rumah keluarganya di Kampung Losong Haji Shafie di sini semalam.

Aryani berkata, sebelum ini, dia dan kakak ketiganya, Aryanti, 46, turut menjaga ibu mereka, Teh Ahmad yang terlantar strok sejak dua tahun lalu sebelum orang tuanya itu meninggal dunia pada 1 Syawal baru-baru ini.

“Belum reda kedukaan, kami sekeluarga terus diduga apabila abang kedua, Mohd. Hanafi, 49, yang menetap di Krubong, Melaka tiba-tiba terkena penyakit misteri disyaki berkaitan saraf.

“Dia yang bekerja di sebuah kilang terpaksa pulang ke pangkuan kami untuk berubat secara tradisional,” katanya.

Aryani berkata, keluarganya kini hanya bergantung kepada bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450.

Tambah ibu kepada tiga anak itu, jumlah itu tidak mencukupi kerana kos perubatan, susu khas dan lampin pakai buang adik bongsu, bapa dan abang mencecah RM1,000 sebulan.

“Selain bantuan adik-beradik lain, saya juga bekerja sebagai pembantu kedai makan dengan pendapatan RM40 sehari bagi membantu keluarga,” katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menghulurkan sumbangan ke akaun bank Amzah bernombor **1110041000352489** (Bank Simpanan Nasional) atau menghubungi Aryani di talian **01139172846**.

IBU AMANG SEKSUAL ANAK, ARAH RAKAM DIHADAP KE MAHKAMAH

<https://wartaoriental.com/2023/05/15/ibu-amang-seksual-anak-arah-rakam-dihadap-ke-mahkamah/>

Sumber : Warta Oriental



KLANG: Seorang ibu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, atas empat pertuduhan melakukan amang seksual dengan dua anak lelakinya dan perbuatan rakaman video pornografi, tahun lalu.

Menurut Utusan Malaysia, tertuduh berusia 33 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Syafeera Mohd. Said.

Berdasarkan tiga pertuduhan, wanita yang mempunyai hubungan amanah sebagai ibu didakwa melakukan amang seksual ke atas dua anak lelaki berusia 14 dan 12 tahun dekat sebuah rumah di Puncak Alam, Kuala Selangor, kira-kira pukul 8 malam, sekitar November tahun lalu.

Pendakwaan kes dijalankan mengikut Seksyen 14 (a) dan (b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan tidak kurang dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Ibu kepada lima anak itu turut didakwa mengarahkan pembuatan satu pornografi dalam bentuk video di sebuah hotel di Sungai Buloh antara 17 dan 18 Februari tahun lalu.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 5 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Izzati Mohamad dan Nor Ayuni Jamri tidak menawarkan jaminan ke atas tertuduh kerana kesalahan itu melibatkan kanak-kanak dan amat serius.

“Perbuatan itu melibatkan ibu dengan anaknya sendiri yang kini berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jaminan tidak ditawarkan kerana bimbang tertuduh mengganggu mangsa dan melarikan diri,” katanya.

Syafeera kemudian memutuskan tertuduh tidak boleh diikat jamin dan menetapkan sebutan semula kes pada 26 Jun depan.

Dalam pada itu, seorang lelaki turut didakwa atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang anak perempuan tertuduh berusia 15 tahun di hotel sama, Februari tahun lalu.

Penarik kereta berusia 22 tahun yang juga kenalan ibu mangsa bagaimanapun tidak mengaku bersalah dan memohon dibicarakan.

Tertuduh yang diwakili peguam Mohd. Azali Ibrahim dibenarkan ikat jamin RM15,000 dan perlu melaporkan diri di balai polis setiap bulan selain tidak mengganggu mangsa.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan perbuatan jijik seorang ibu dipercayai melakukan amang seksual dengan anaknya terbongkar dan dicekup polis pada 2 Mei lalu.

Lebih menyedihkan, suspek dikatakan turut merakam aksi dengan remaja lelaki itu menerusi telefon bimbit.

Ibu amang seksual anak, arah rakam dihadap ke mahkamah

IBU BAPA DIKECAM TINGGAL ANAK KEMBAR DALAM KERETA, HADIR RUMAH TERBUKA

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/15/ibu-bapa-dikecam-tinggal-anak-kembar-dalam-kereta-hadir-rumah-terbuka/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Tindakan sepasang suami isteri meninggalkan dua anak mereka di dalam sebuah kereta didakwa bagi menghadiri rumah terbuka mengundang pelbagai kecaman di media sosial.

Menerusi perkongsian di Facebook Nana Nandos, kejadian tersebut dipercayai berlaku dekat Taman Kajang Impian, Selangor baru-baru ini.

Menurutnya, dia menyedari perkara tersebut apabila terdengar tangisan dua kanak-kanak di dalam sebuah kereta yang tidak berkunci.

“Enjin kereta dimatikan dan hanya tingkap dibuka sedikit. Ada anak kembar dalam keadaan takut dan menangis.

“Saya sempat berikan air kotak untuk tenangkan mereka dan tunggu lebih kurang 30 minit untuk ibu bapa mereka kembali,” katanya dalam satu hantaran, semalam.

Tambah Nana, lebih menggeramkan, bukan sahaja ibu bapanya yang menghadiri rumah terbuka itu, malah turut kelihatan iaitu datuk dan nenek kanak-kanak tersebut.

“Eh ibu bapa dengan atuk dan nenek sekali pergi beraya. Cucu dalam kereta. Dapat lah angkat tangan sambil sengih manja dari ibu bapa dia. Mak dia pun buat ‘bodoh’ je, muka tak bersalah.

“Kalau dulu macam tak percaya ini boleh berlaku, sekarang depan mata. Raya tu raya juga tetapi anak-anak amanah kita,” jelasnya.

Susulan itu, rata-rata orang ramai mengecam tindakan kedua-dua ibu bapa itu yang disifatkan tidak bertanggungjawab.

“Ya Allah zalimnya. Kot nak raya beria tak nak bawa anak sekali pun jangan lah sampai tinggal dalam kereta macam tu.

“Kalau rasa takda duit nak upah orang jaga. Kau suami isteri gilir-gilir pergi makan rumah terbuka,” kata Fatimah.

“Alamak. Kalau taknak ganggu anak tidur. Gilir-gilir lah. Dah lah siap ada atuk dan nenek lagi. Satu keluarga ‘selfish’ (pentingkan diri),” luah Aimi. – KOSMO! ONLINE

PENARIK KERETA BERDEPAN PENJARA 20 TAHUN RABA PAYUDARA, SENTUH KEMALUAN KANAK-KANAK PEREMPUAN

<https://malaysiagazette.com/2023/05/15/penarik-kereta-berdepan-penjara-20-tahun-raba-payudara-sentuh-kemaluan-kanak-kanak-perempuan/>

Sumber : Malaysia Gazette



KLANG – Seorang penarik kereta mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berumur 14 tahun, Februari tahun lalu.

Tertuduh, Haddad Mohd Radhi, 22, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan juru bahasa di hadapan Hakim Syafeera Mohd Said.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak berumur 14 tahun dengan cara meraba kedua payudara dan menyentuh kemaluan kanak-kanak tersebut bagi tujuan seksual.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di sebuah hotel di Taman Sri Pristana, Sungai Buloh, kira-kira jam 2 pagi, di antara 17 hingga 18 Februari 2022.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebatan.

Terdahulu tertuduh yang memakai baju t-shirt kolar bulat berwarna hitam diiringi anggota polis ketika memasuki Mahkamah Sesyen di sini, kira-kira jam 9.45 pagi tadi.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Izzati Mohamad yang mengedalikan kes itu tidak menawarkan jaminan kerana tertuduh merupakan kenalan kepada ibu mangsa dan dibimbangi boleh mengganggu mangsa dan saksi.

Bagaimanapun peguam, Mohd Azali Ibrahim meminta mahkamah menawarkan jaminan susulan anak guamnya itu hanya bekerja sebagai seorang penarik kereta dan tidak mempunyai pendapatan tetap.

Selain itu, tertuduh juga sudah berkahwin, mempunyai seorang anak dan isteri pula tidak bekerja serta sedang mengandung cahaya mata kedua.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diberi jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan perlu melaporkan diri setiap awal bulan di balai polis berdekatan kediaman.

Mahkamah turut menetapkan 14 Jun ini sebagai tarikh sebutan kes. – MalaysiaGazette

[VIDEO] BAYI NYENYAK TIDUR DIPERLAKU KEJAM, PENGASUH TASKA DI SKUDAI DISYAKI DERA ANAK ASUHAN SAMPAI MENANGIS KESAKITAN

<https://majoriti.com.my/berita/2023/05/15/video-bayi-nyenyak-tidur-diperlaku-kejam-pengasuh-taska-di-skudai-disyaki-dera-anak-asuhan-sampai-menangis-kesakitan>

Sumber : Majoriti



TINDAKAN seorang wanita yang berkelakuan ‘kasar’ terhadap seorang bayi tular di media sosial sejak Isnin dan mengundang amarah dalam kalangan warga maya.

Manakan tidak, wanita yang dipercayai pengasuh di sebuah taska yang terletak di Mutiara Rini, Skudai, Johor turut berkelakuan pelik dan disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan.

Melalui dua video yang dikongsikan seorang pengguna Facebook **Syed Mirul Alhadadd** memaparkan, wanita berkenaan berulang kali meniup hidung bayi berkenaan yang sedang tidur nyenyak sekali gus menyebabkan bayi tersebut bangun dan menangis.

Pada masa, dalam video berdurasi kurang seminit itu juga jelas kelihatan pengasuh berkenaan bertindak kasar dengan menangkap dan menghempas bayi berkenaan ke tilam.

Lebih menggeramkan lagi, wanita itu langsung tidak mempedulikan tangisan bayi tersebut yang menangis kesakitan.


Menurut individu yang berkongsi video tersebut, rakaman video berkenaan dirakam oleh salah seorang lagi pekerja di taska berkenaan dan belum ada sebarang laporan yang dibuat kepada pihak berkuasa kerana risau akan keselamatan dirinya.

Setakat berita ini ditulis, belum ada sebarang kenyataan yang dikeluarkan daripada pihak berkuasa. — *Majoriti*

LELAKI BERKELAKUAN RASIS, HINA WANITA DIBERKAS

<https://www.sinarharian.com.my/article/258731/berita/semasa/lelaki-berkelakuan-rasis-hina-wanita-diberkas>

Sumber : Sinar Harian



IPOH - Seorang lelaki ditahan pada Isnin selepas rakaman video berkelakuan aib dan mengeluarkan perkataan kesat tersebar di media sosial.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, tangkapan dibuat susulan laporan polis yang diterima pada 14 Mei mengenai kejadian yang berlaku di sebuah restoran di Falim di sini.

Menurutnya, suspek merupakan warga tempatan berusia 42 tahun berjaya ditahan kira-kira jam 10.30 malam pada Isnin di Ampang Baru di sini.

"Ujian saringan awal air kencing yang dijalankan mendapati suspek positif dadah jenis ganja. Pihak polis sedang melengkapkan siasatan kes ini dan akan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk pertuduhan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 iaitu berkelakuan aib dan dengan tertangkapnya suspek itu, maka kes telah pun diselesaikan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, Yahaya menasihati orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi mengenai video tersebut sehingga menjejaskan siasatan polis mahupun mendatangkan kegusaran dalam kalangan masyarakat.

Menerusi rakaman video berdurasi 1 minit 18 saat yang dikongsi melalui Twitter itu, seorang lelaki dilihat mengeluarkan kata-kata kesat dan memainkan sentimen perkauman terhadap seorang wanita di dalam sebuah restoran.

PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR PEKERJAAN DISASAR MENINGKAT KEPADA 59% MENJELANG 2025

<https://www.buletintv3.my/detik-niaga/penyertaan-wanita-dalam-sektor-pekerjaan-disasar-meningkat-kepada-59-menjelang-2025/>

Sumber : Buletin TV3



KUALA LUMPUR: Kerajaan berhasrat meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja negara kepada 59 peratus menjelang 2025.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, ia juga selari dengan dasar kerajaan untuk sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor korporat.

“Ini adalah penting kerana ia memberi isyarat bahawa wanita boleh mencapai kedudukan yang lebih tinggi, stereotaip yang mencabar seperti hanya wanita yang perlu mengimbangi komitmen kerjaya dan keluarga, berat sebelah yang berakar umbi bahawa lelaki sepatutnya mempunyai lebih kuasa dan keistimewaan daripada wanita dan kepercayaan bahawa wanita lebih beremosi dan sekali gus menghalang kenaikan pangkat wanita” katanya dalam ucapan perasmian Forum Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia 2023.

Jelasnya, ini juga penting kerana kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita hanya 55.5 peratus berbanding lelaki pada 80.9 peratus pada 2021.


Menurut laporan Bank Dunia 2019, pendapatan per kapita negara boleh bertambah 26.2 peratus jika semua halangan ekonomi diketepikan untuk wanita yang menjana purata pendapatan tahunan mencecah RM9,400.

Tambah beliau, sektor awam telah mencapai 38.8% wanita dalam pengurusan tertinggi selain menerima pengiktirafan antarabangsa untuk Amalan Terbaik pada Sidang Kemuncak Wanita Global 2023 di Dubai.

WANITA DITIPU LEBIH RM11,000 BELI KONSOL PERMAINAN ELEKTRONIK DI TIKTOK

<https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-ditipu-lebih-rm11000-beli-konsol-permainan-elektronik-di-tiktok-EP10978286>

Sumber : The Sun Daily



KUALA LUMPUR: Seorang pelajar kolej jururawat kerugian lebih RM11,000 apabila ditipu dalam urusan pembelian alat konsol permainan elektronik di aplikasi TikTok.

Ketua Polis Daerah Sentul, ACP Ahmad Sukarno Mohd Zahari, berkata wanita tempatan berusia 20 tahun berkenaan membuat laporan polis pada Sabtu lalu selepas menyedari beliau telah ditipu.

Beliau berkata berdasarkan siasatan awal mangsa telah melihat iklan penjualan konsol berkenaan yang dijual pada harga RM300, mangsa kemudian telah berurusan dengan seorang ejen jualan dan diminta membuat bayaran sebanyak RM250.

“Ejen berkenaan kemudian meminta mangsa membuat pelbagai lagi bayaran kononnya bagi bayaran insurans, proses kastam serta caj penghantaran dan mangsa telah membuat sebanyak 13 kali transaksi pemindahan wang di dua akaun berbeza antara Isnin hingga Sabtu lalu berjumlah RM11,500.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan orang ramai dinasihatkan membuat semakan akaun di laman sesawang <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule> sebelum melakukan apa-apa transaksi,” katanya. – Bernama

HUTANG PUNCA WARGA EMAS DITIKAM

<https://malaysiagazette.com/2023/05/15/hutang-punca-warga-emas-ditikam/>

Sumber : Malaysia Gazette



SERDANG – Perselisihan faham tentang hutang dipercayai menjadi punca seorang warga emas mati ditikam di leher dalam satu insiden di hadapan Selayang Centre Point, Jalan Selayang Baru, Batu Caves baru-baru ini.

Ketua Polis Selangor, Komisioner Datuk Hussein Omar Khan berkata, siasatan polis mendapati suspek seorang lelaki warga Indonesia yang tinggal di kejiranan sama dan sering meminjam wang daripada mangsa.

Katanya, sebelum kejadian berlaku suspek yang merupakan seorang pemastautin tetap dan menjalankan perniagaan kedai emas secara kecil-kecilan telah meminjam wang sebanyak RM3,000 daripada mangsa.

“Pada hari kejadian suspek berjumpa dengan mangsa sebelum suspek dipercayai menikam leher mangsa menggunakan garfu,” katanya ketika ditemui pemberita dalam Majlis Pelancaran Dewan Serbaguna di Balai Polis Seri Kembangan, di sini pagi tadi.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Selangor Deputy Komisioner Datuk S. Sasikala Devi; Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner AA Anbalagan dan wakil MRT Corp yang menaja pembinaan dewan serbaguna berkenaan.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Zainal Mohamed Mohamed telah mengesahkan seorang lelaki warga asing yang miliki taraf pemastautin tetap diberkas polis selepas mayat seorang warga emas dalam keadaan berlumuran darah dengan luka di leher ditemui di dalam kereta di hadapan Selayang Centre Point, Jalan Selayang Baru, Batu Caves di Gombak pada 9 Mei lalu.

Mangsa berusia 70-an memakai baju kemeja dan berseluar slack ditemui berlumuran darah di tempat duduk pemandu sebuah kereta Kancil kira-kira jam 10.10 pagi.

Suspek lelaki lingkungan 40-an berjaya diberkas pada 4 petang hari kejadian dan direman tujuh hari hingga 16 Mei untuk siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Mengulas lanjut dalam perkembangan kes itu, Hussein menambah, siasatan kes bunuh itu hampir selesai. – MalaysiaGazette

BERGELAR OKU BUKAN PENGHALANG GURU TERIMA ANUGERAH

<https://www.getaran.my/artikel/kisah-kita/46730/bergelar-oku-bukan-penghalang-guru-terima-anugerah>

Sumber : Getaran



MELAKA - Bergelar orang kurang upaya (OKU) bukan penghalang buat Jasmi Md Tegol, 56, menabur bakti sebagai pendidik sekali gus dipilih menerima Anugerah Guru Berwibawa pada Majlis Anugerah Hari Guru 2023 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini malam tadi.

Guru subjek Bahasa Melayu dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lubok China di Masjid Tanah, Alor Gajah berkata gelaran OKU yang diperoleh sejak berusia setahun setengah itu sebaliknya menjadi semangat untuknya hidup seperti manusia normal lain.

"Saya anggap kekurangan diri saya ini sebagai peluang dan bukannya rintangan untuk bergelar sebagai seorang pendidik dan anugerah yang saya terima hari ini juga atas kekurangan diri ini

Walaupun saya mempunyai masalah pada kaki kiri dan terpaksa bertongkat namun saya merupakan bekas atlet paralimpik negara dalam sukan badminton malah pernah bergelar Juara

Kebangsaan, Dunia dan Asia," katanya yang juga Presiden Majlis Sukan dan Rekreasi OKU Malaysia.

Jasmi menerima anugerah berkenaan selain wang tunai sebanyak RM3,000 dan sijil penghargaan yang disampaikan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek pada majlis yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Beliau berkata anugerah yang diterimanya itu membuktikan kepada masyarakat bahawa golongan OKU juga mampu berdikari dan mencapai sesuatu kejayaan dalam hidup mereka sekali gus menangkis persepsi ramai bahawa golongan OKU adalah golongan yang suka "meminta-minta".

Sementara itu, penerima Anugerah Guru Juara Digital kategori Sekolah Menengah dan Rendah, Mimi Norashikin Md Jani, 38, dari SMK Panchor, Negeri Sembilan berkata kejayaan yang diperolehnya akan mendorong lagi beliau membuka peluang dan ruang kepada pelajarannya mendalami dunia robotik.

Guru Reka Bentuk dan Teknologi itu berkata walaupun sekolah berkenaan merupakan sekolah kampung dan mempunyai akses digital yang sangat terhad namun, sebuah "Digital Maker Hub" Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berjaya diwujudkan di sekolah berkenaan baru-baru ini.

"Saya dicalonkan menjadi juara kerana saya telah berjaya mewujudkan kumpulan robotik yang dikenali sebagai 'tech genius' sejak saya mula masuk ke sekolah berkenaan pada 2017.

Bermula dengan projek tersebut, banyak lagi pertandingan inovasi melibatkan kelestarian alam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang kumpulan kami menangi," katanya yang memenangi wang tunai, sijil penghargaan dan plak.

Anugerah bagi tokoh pendidik itu menampilkan empat kategori iaitu Anugerah Khas Pendidikan (enam penerima), Anugerah Guru Inovatif (enam penerima), Anugerah Guru Berwibawa (tujuh penerima) dan Anugerah Guru Ikon (sembilan penerima).

Turut disampaikan pada majlis berkenaan ialah Anugerah Khas Menteri Pendidikan: Sekolah Citra MADANI iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nagka, Perlis selain tiga Anugerah #GuruJuaraDigital. – Bernama

[VIDEO] 15 TAHUN HIDUP DALAM TIMBUNAN SAMPAH

https://www.buletintv3.my/nasional/eksklusif-15-tahun-hidup-dalam-timbunan-sampah/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini

Sumber : Bultin TV3

KUALA LUMPUR: “Syukur...akhirnya dapat rumah berwajah baharu”

Hanya itu yang mampu diungkapkan oleh Hamidah Moin, 63 tahun, selaku penerima pertama insentif Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan 2023.

Ibu kepada tiga cahaya mata itu akhirnya dapat menghela nafas lega apabila dapat ‘keluar’ dari rumahnya yang penuh dengan besi buruk dan barangan lusuh dek kerana barangan terbabit adalah salah satu sumber mata pencariannya.



Hamidah berkata bahawa mereka bergelumang hampir 15 tahun di dalam rumah yang terletak di Apartmen Seri Penara, Bandar Sri Permaisuri.

Mereka juga terpaksa ‘berendam air mata’ mengenangkan keadaan rumah yang serba kekurangan kerana masalah kekangan kewangan selain terpaksa menanggung kos rawatan anak bongsunya, Sukri Azim, 24 tahun yang juga Orang Kurang Upaya, OKU.

Prihatin dengan nasib menimpa keluarga ini, Datuk Seri Dr. Wan Azizah selaku Ahli Parlimen Bandar Tun Razak tampil dengan meletakkan ‘noktah’ pada kedukaan mereka menerusi insentif Program Rumah Kasih Harapan Kak Wan 2023.

“Kita ubahsuai rumah ini menunjukkan bahawa kita komited untuk meningkatkan lagi taraf hidup terutama rakyat miskin bandar yang mana kita cuba sedaya upaya dan kita turut dapatkan rakan rakan strategik untuk dapatkan sumbangan bersama,” jelasnya dalam satu sidang sesi media selepas pelancaran majlis itu.



Usaha membaik pulih rumah tiga bilik dan dua bilik air itu membabitkan kos RM30,000.

Inisiatif yang selaras dengan konsep Madani itu dijangka bakal memanfaatkan lebih ramai penerima yang layak di masa hadapan.

SITI SYAZWANI MEMERLUKAN RM60,000 UNTUK PEMBEDAHAN JANTUNG

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967344/siti-syazwani-memerlukan-rm60000-untuk-pembedahan-jantung>

Sumber : Harian Metro



Kuala Berang: Kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran Wan Siti Syazwani Wan Mohd Faisal, 12, memerlukan bantuan kewangan berjumlah RM60,000 bagi menjalani pembedahan jantung berlubang dan saluran jantung yang bocor.

Ibunya, Siti Sahara Ismail, 44, dari Kampung Tok Lawik, di sini, berkata, anak sulungnya itu menghidap penyakit jantung berlubang sejak dilahirkan.

Katanya, selain mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) anaknya juga setiap tahun menjalani pemeriksaan di Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur.

"Ketika berusia sembilan tahun Siti Syazwani, disahkan pula mengalami masalah injap jantung bocor oleh doktor yang merawatnya di IJN.

"Doktor menganggarkan kos pembedahan bagi kedua-dua masalah jantung yang dihadapi anak sulung saya mencecah RM60,000," katanya yang juga suri rumah sepenuh masa.

Menurut ibu kepada tiga cahaya mata itu berkata, dengan pendapatan suaminya Wan Mohd Faisal Wan Yahya, 46, sebanyak RM2,400 sebulan yang bekerja sebagai pengawal keselamatan sekaligus tidak mampu baginya untuk membiayai kos rawatan anaknya itu.

Katanya, pemeriksaan yang dilakukan secara berkala mendapati jantung anaknya itu kini membengkak selain anaknya juga mudah penat selain berat badan semakin susut.

Siti Sahara berkata, dia buntu memikirkan kos yang perlu ditanggung untuk menjalani pembedahan anak sulungnya itu kerana jumlah RM60,000 besar baginya sekeluarga.

Menceritakan lebih lanjut, Siti Sahara berkata, anak bongsunya Wan Muhammad Firdaus Aiman, empat tahun juga menghidap penyakit jantung berlubang namun ketika berusia enam bulan anaknya sudah melalui satu pembedahan.

"Alhamdulillah, Muhammad Firdaus, sudah sihat namun masih menjalani rawatan susulan di Hospital Hulu Terengganu (HHT) dan IJN.

"Kos pembedahan Muhammad Firdaus, sebelum ini berjumlah RM37,000 dan dengan dana mencukupi membolehkan anak bongsu saya menjalani pembedahan di IJN," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun AmBank bernombor 8881050648021 di atas nama Wan Mohd Faisal Wan Yahya atau menghubungi keluarga berkenaan di nombor 01164292876.